

MAHATHIR 'R' 'R' 'R'  
(I)

1983

PULAU PINANG, 30 OKT (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BAHAWA KEJAYAAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA AKAN MENJADI SUMBER INSPIRASI KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN YANG SEDANG MEMBANGUN.

BELIAU YAKIN BAHAWA KONSEP TERSEBUT, AKAN BERJAYA DAN PENDAPAT MEREKA YANG MENKRITIK MALAYSIA SEKALI LAGI AKAN TERBUKTI SALAH.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PENGURUSAN SERANTAU KELAPAN ANJURAN PERBATUSAN ASIA MENGENAI PENGURUSAN PERTUBUHAN (AAMO) DI SINI BELIAU BERKATA, SEKIRANYA KITA BERJAYA, IA AKAN MEMBERI HARAPAN DAN GALAKAN KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN YANG SEDANG MEMBANGUN.

+SEKIRANYA NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN MENINGKATKAN KUASA BELIANNYA, NEGARA-NEGARA MAJU JUGA AKAN DAPAT MENIKMATI FAEDAHNYA,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA BUKANNYA MUDAH UNTUK MENUKAR SIKAP PABA KAKITANGAN AWAM DAN EKSEKUTIF-EKSEKUTIF PERNIAGAAN, TETAPI BERKATA BAHAWA MALAYSIA AKAN +BERKERJA KERAS, MERANCANG DENGAN TELITI DAN MENGAMALKANNYA DENGAN PENUH RASA TANGGUNGJAWAB+ UNTUK MENJAYAKAN KONSEP TERSEBUT. --LAGI 2110/MD

MAHATHIR 2 PULAU PINANG 'R' 'R' 'R

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA MENERIMA KONSEP PERSYARIKATAN JEPUN SEBAGAI ASAS FALSAFAH PERSYARIKATANNYA KERANA MALAYSIA PERCAYA SEKIRANYA FALSAFAH ITU BOLEH MEMBA KEJAYAAN YANG SAMA UNTUK NEGARA-NEGARA LAIN.

PERSYARIKATAN JEPUN TERNYATA AMAT BAIK SEKALI UNTUK JEPUN KERANA IA TELAH MEMBOLEHKANNYA MUNCUL SEBAGAI KUASA EKONOMI YANG KEDUA BESARNYA DI DUNIA DALAM TEMPOH KURANG DARI 30 TAHUN, SETELAH IA TEWAS DALAM PEPERANGAN PASIFIK.

TAMBAH BELIAU, WALAUPUN KITA TIDAK MUNGKIN MENCAPAI KEMAJUAN DALAM BIDANG EKONOMI SEPERTI YANG DICAPAI OLEH JEPUN TETAPI MEMADAILAH DENGAN PENINGKATAN SEDERHANA DALAM PENDAPATAN PER KAPITA KITA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA UNTUK MEMPERKEMBANGKAN FALSAFAH PERSYARIKATAN SEPATUTNYA MUDAH BAGI MALAYSIA MEMANDANGKAN IA SUDAH PUN MEMPUNYAI FALSAFAH SEUMPAMA ITU WALAUPUN TIDAK DIGELARKAN DENGAN NAMA ITU. --LAGI 2145/MD

MAHATHIR 3 PULAU PINANG 'R' 'R' 'R

KINI MALAYSIA, SECARA KESELURUHANNYA TELAH MENERIMA, MENDALAMI DAN MENTAKRIF SEMULA FALSAFAH PERSYARIKATANNYA DI HANA PENIAGA DAN PEDAGANG DIANGGAP SEBAGAI RAKAN DALAM PENTADBIRAN NEGARA.

BELIAU BERKATA: +PERKONGSIAN ANTARA KERAJAAN DAN GOLONGAN PENIAGA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA TIDAK ADA BEZANYA DENGAN PERKONGSIAN YANG DIDAPATI DALAM FIRMA-FIRMA PERNIAGAAN.

+YANG DEMIKIAN, FALSAFAH KORPORAT BAGI MALAYSIA BOLEHLAH DIGELARKAN SEBAGAI FALSAFAH PERSYARIKATAN MALAYSIA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA KEMELESEYAN EKONOMI DUNIA, PADA PENDAPATNYA, SENGAJA DIBUAT OLEH SETENGAH-SETENGAH PIHAK.

NEGARA-NEGARA PENGELUAR KOMODITI SEPERTI MALAYSIA TURUT MENDERITA DAN EKONOMI PERKILANGAN ASIA YANG BARU MUNCUL, YANG DIGELARKAN SEBAGAI NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN YANG BARU, MULA MERASA TERHIMPIT.

BELIAU MENYATAKAN TERIMA KASIH KEPADA PARA PENGURUS ASIA, BAIK DALAM KERAJAAN MAHU PUN SEKTOR SWASTA ATAS PENAKATAN EKONOMI ASIA. --LAGI 2155/MD

MAHATHIR 4 PULAU PINANG

PERSIDANGAN SELAMA TIGA HARI ITU DIHADIRI OLEH PARA WAKIL DARI NEGARA-NEGARA ANGGOTA AAMD YANG TERDIRI DARIPADA AUSTRALIA, HONG KONG, INDIA, INDONESIA, JEPUN, MALAYSIA, NEW ZEALAND, PAPUA NEW GUINEA, FILIPINA, SINGAPURA, TAIWAN DAN NEGERI THAI.

BEKAS PERDANA MENTERI, TUN HUSSEIN ONN, YANG KINI PENASIHAT PETRONAS, AKAN MEMPENGERUSIKAN WOKSYOP MENGENAI PENGURUSAN SUMBER-SUMBER TENAGA DI RANTAU BARU. PARA PENCERAMAH TERMASUKLAH BEKAS NAIB PRESIDEN INDONESIA, TUN ADAM MALIK DAN BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI THAI DAN MENTERI LUAR, TUN THANAT KHOMAN. -- BERNAMA